

26/11/1999

Zhu lawat Langkawi dua hari

LANGKAWI, Khamis - Perdana Menteri China, Zhu Rongji berada di sini untuk lawatan tidak rasmi dua hari melawat Dataran Lang, bagi menyaksikan sendiri kepesatan pembangunan di pulau peranginan ini.

Ketibaan beliau dan isteri, Lao An di mercu tanda Langkawi itu disambut Exco Kerajaan Kedah, Datuk Beh Heng Seong dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib.

Zhu dan rombongan kemudian mengunjungi Kampung Tok Senik Resort, satu-satunya pusat peranginan ala kampung tradisional Melayu di kawasan seluas 18.4 hektar.

Beliau juga melawat rumah penghulu yang menjadi tempat persinggahan kegemaran Dr Mahathir. Malam tadi, Zhu diraikan dalam satu majlis jamuan malam anjuran Kerajaan Kedah di sebuah hotel di sini.

Zhu dijangka berlepas pulang kira-kira jam 9 pagi esok.

(END)